

Lawatan Akademik Pelajar Tahun Akhir Program Bioteknologi

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Pada 14 - 17 Disember 2011, seramai 56 orang pelajar tahun akhir program Bioteknologi yang diiringi oleh Prof Madya Dr. Jualang Azlan Gansau, Pn. Roslina Jawan dan Cik Hartinie Marbawi telah mengadakan lawatan akademik ke Sandakan. Objektif lawatan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada aplikasi teknologi penapaian dalam industri sekaligus melengkapkan pembelajaran secara teori bagi kursus SY30303

Teknologi Penapaian dan Produk Semulajadi yang diikuti pada semester tersebut. Sesi lawatan bermula di Desa Cattle Kundasang, ladang ternakan lembu susu dan kilang pemprosesan susu segar di Mesilau. Lawatan juga diadakan di Seguntor Bioenergy Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang mengaplikasikan konsep tenaga yang diperbaharui iaitu menjana tenaga elektrik menggunakan tandan kelapa sawit kosong. Lawatan ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk melihat sendiri aplikasi sebenar proses penapaian dan produk semulajadi yang digunakan dalam industri.



Lawatan di Desa Cattle, Kundasang.



Lawatan di Seguntor Bioenergy, Sandakan.



Pn. Roslina Jawan menyampaikan cenderahati kepada En. Ismail Saad, Pengurus Loji Seguntor Bioenergy.

CG
173
K58
41631
2011